

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG

KAWASAN : ALOR GAJAH

NO. SOALAN : 111

SOALAN

YB DATUK KOH NAI KWONG (ALOR GAJAH) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perkembangan perbincangan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) sedangkan Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat sudah umum bahawa ia akan dimeterai tidak lama lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dalam Mesyuarat Pemimpin TPP yang diadakan pada November 2014 di Beijing, telah disarankan agar rundingan TPP dimuktamadkan dalam tahun 2015. Beberapa mesyuarat peringkat Ketua Perunding dan Kumpulan Kerja telah diadakan dalam suku akhir tahun 2014 dan suku pertama tahun 2015 untuk mencari penyelesaian bagi isu-isu yang

masih tertunggak dalam rundingan. Setakat ini, bab rundingan yang telah dimuktamadkan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan;
- ii. *Regulatory Coherence*;
- iii. Daya saing dan fasilitasi perniagaan;
- iv. Enterpris kecil sederhana (Industri kecil sederhana);
- v. Kemasukan sementara tenaga mahir;
- vi. Kerjasama dan pembinaan kapasiti;
- vii. Pentadbiran dan Institusi;
- viii. Dasar Persaingan (Seksyen A);
- ix. Telekomunikasi; dan
- x. Pentadbiran Kastam

Di samping itu, rundingan juga mencapai kemajuan yang baik dalam bab akses pasaran dengan perbincangan peringkat akhir yang menyentuh tentang amalan transparensi dalam tawaran dan pelaksanaan konsesi tarif dalam TPP . Walau bagaimanapun, Malaysia masih terus merunding untuk mendapat akses pasaran yang lebih baik dengan sesetengah negara dalam TPP.

Tuan Yang Dipertua,

Sungguhpun begitu, Malaysia masih terus menghadapi cabaran bagi isu dan bab yang bukan konvensional seperti Syarikat Milik Kerajaan (SOE), Perolehan Kerajaan (GP), Hak Harta Intelek, dan Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara (ISDS).

Bagi SOE. Malaysia masih merunding untuk mengecualikan beberapa entiti SOE Malaysia, mendapatkan *threshold* yang lebih tinggi, serta tempoh transisi yang lebih panjang bagi memastikan kesediaan yang lebih rapi dalam menghadapi TPP. Ini kerana Kerajaan sedar bahawa atas kepentingan badan-badan ini bukan sahaja beroperasi atas sebab komersial, tetapi juga peranan mereka dalam menyusun semula sosio-ekonomi negara yang begitu signifikan dalam mempengaruhi kesejahteraan masyarakat dan rakyat Malaysia.

Di samping itu, Malaysia juga sedang merundingkan *threshold* yang lebih tinggi bagi syarikat asing memasuki dalam tender-tender perolehan kerajaan. Dalam erti kata lain, hanya perolehan kerajaan yang bersifat gergasi sahaja yang membenarkan kontraktor asing. Ini seterusnya meminimumkan impak ke atas syarikat kecil sederhana tempatan.

Begitu juga dengan rundingan mengenai ISDS, pasukan rundingan masih berunding secara teliti terhadap skop ISDS.

Manakala bagi rundingan Hak Harta Intelekt, isu yang masih tertunggak ialah isu berkaitan farmasoutikal, hak cipta, dan indikasi geografikal yang perlu diselesaikan di peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Jemaah Menteri pada 18 Februari 2015 juga telah mengarahkan satu Makmal TPP dikendalikan oleh PEMANDU, JPM untuk membincangkan isu SOE, GP dan ISDS. Makmal ini akan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pemimpin tertinggi badan-badan berkanun, syarikat milik kerajaan, badan bukan kerajaan, Ahli Parlimen Caucus,

barisan Cleread Advisors TPP, ahli ekonomi dan ahli akademik supaya bersama-sama untuk mencari penyelesaian alternatif bagi isu sensitif yang dirundingkan bawah TPPA.

Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 15 Ogos 2013 telah bersetuju untuk melaksanakan Kajian Kepentingan Negara mengenai Penglibatan Malaysia dalam Perjanjian TPP dan Analisis Kos Faedah mengenai impak TPP ke atas Bumiputera dan Industri Kecil Sederhana (IKS). Kedua-dua Kajian Kepentingan Negara dan Analisis Kos Faedah dilaksanakan secara masing-masing oleh Institute of Strategic and International Studies (ISIS) dan Price Waterhouse Coopers (PwC). Kedua-dua kajian yang diselesaikan kini, masih bersifat interim kerana dapatan kajian adalah berlandaskan kedudukan semasa rundingan dan bersifat andaian.

Kerajaan juga telah mengarahkan supaya kajian kos dan faedah atas impak TPP fasa kedua disegerakan bagi membantu Kerajaan dalam membuat penilaian terhadap penyertaan dalam TPP. Fasa kedua akan dilaksanakan berlandaskan kepada 4 aspek utama, iaitu 1) kedaulatan negara dan ruang dasar negara; 2) impak ke atas Bumiputera; 3) impak ke atas Industri Kecil Sederhana tempatan dan 4) Apa sekiranya Malaysia tidak berada dalam TPP? Kajian ini dijangka dapat diselesaikan dalam masa yang singkat selepas tamat rundingan.

Malaysia akan terus merunding untuk fleksibiliti yang paling maksimum bagi melindungi kepentingan Malaysia. Seperti mana telah diumumkan Kerajaan akan membenteng hasil rundingan TPP yang muktamad bersama-sama hasil kajian yang lengkap di Parlimen nanti.